

14/09/1998

Skwad ragbi harus dipuji

MALAYSIA meneruskan persembahan bersemangat pada ragbi peringkat kumpulan hari kedua dengan satu kemenangan dan kalah sekali, di Stadium Petaling Jaya, Kelana Jaya semalam.

Selepas mengalahkan Sri Lanka 35-26 dan tumpas kepada New Zealand 0-53 dalam Kumpulan D kelmarin, mereka ditemukan dengan juara dunia, Fiji semalam sebelum tunduk 5-63, tapi menumpaskan Kenya 19-5.

Meskipun gagal menduduki kumpulan lapan pasukan terbaik untuk bersaing merebut pingat, dua kemenangan itu cukup membanggakan.

Jurulatih, Timothy Mark James berpuas hati dengan persembahan setiap pemain yang mempamerkan semangat juang jitu.

"Walaupun kalah kepada dua pasukan elit, setiap pemain harus berbangga kerana mampu menyaingi mereka," katanya.

Lebih membanggakan pasukan ialah kemampuan memecahkan benteng pertahanan Fiji yang perkasa itu menerusi try Sulaiman Yaacob.

Keupayaan skuad negara semalam turut dikongsi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyaksikan pertemuan menentang Kenya.

Jamil Abdul Rahman muncul wira pasukan dengan menyumbang dua try, sementara ketua pasukan, Khusainy Ishak mendapatkan try pertama.

Jamil berkata, meskipun kecederaan lutut mengganggu penumpuannya, dia tetap menggagahkan diri untuk melakukan pecutan bagi melakukan dua try.

Selepas pertemuan itu Perdana Menteri turun ke padang bersalaman dengan pegawai dan pemain pasukan sambil mengucapkan tahniah.

Sementara itu, pemain prop negara, Sulaiman Yaakob juga harus dianggap wira kerana kejayaan membuat try tunggal pasukan dalam perlawanan menentang Fiji.

Dalam pertemuan yang dikira berat sebelah itu, setiap pemain negara mencuba bersungguh-sungguh untuk melepasi halangan pemain lawan yang tegap dan tinggi.

Namun, Sulaiman tidak mudah menyerah, sebaliknya terus berusaha mencari jalan untuk melepaskan diri ke garisan bahaya.

Ini dapat dilakukan dalam gerakan mengejut dari kanan dan berjaya mengawal bola dengan melepaskan diri dari kepungan lawan untuk meletakkan bola di penjuru kanan berhampiran tiang bendera.

Sementara itu, semua enam pasukan pilihan layak meneruskan cabaran untuk meraih pingat bermula petang ini.

Fiji, New Zealand, Afrika Selatan dan Australia menamatkan kempen pusingan kedua tanpa kalah.